



**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP**

# **LAPORAN TAHUNAN 2014**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PROFIL KORPORAT</b>	<b>2</b>
<b>MISI</b>	<b>2</b>
<b>OBJEKTIF KORPORAT</b>	<b>2</b>
<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>	<b>3</b>
<b>PROFIL PENGARAH</b>	<b>5</b>
<b>KUMPULAN PENGURUSAN MSWG</b>	<b>12</b>
<b>PERNYATAAN Pengerusi</b>	<b>14</b>
<b>PENYATA TADBIR URUS KORPORAT</b>	<b>17</b>
<b>DIVIDEN</b>	<b>20</b>
<b>MESEJ KPE SERTA PERBINCANGAN &amp; ANALISIS PENGURUSAN</b>	<b>24</b>
• <b>SOROTAN KEWANGAN</b>	<b>25</b>
• <b>AKTIVITI TERAS MSWG</b>	
○ PEMANTAUAN KORPORAT	<b>25</b>
• LAPORAN SEBELUM DAN SELEPAS AGM/EGM	
• LAPORAN MINGGUAN AGM/EGM	
• SOROTAN ISU 2014	
○ KHIDMAT PELANGGAN	<b>28</b>
○ SURAT BERITA ELEKTRONIK, RENCANA DAN ULASAN	<b>30</b>
○ PROGRAM PENDIDIKAN PELABUR/FORUM/PENGLIBATAN SYARIKAT/ JEMPUTAN CERAMAH	<b>30</b>
○ KAD SKOR TADBIR URUS KORPORAT ASEAN	<b>31</b>
○ KOD PELABUR INSTITUSI MALAYSIA	<b>32</b>
○ PENERBITAN	<b>33</b>
• <b>TENAGA KERJA</b>	
○ JUMLAH KAKITANGAN	<b>34</b>
○ PEMBANGUNAN/AKTIVITI KAKITANGAN	<b>34</b>
<b>KALENDAR PERISTIWA 2014</b>	<b>35</b>
<b>PENYATA KEWANGAN BERKANUN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014</b>	<b>56</b>
<b>NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-14</b>	<b>86</b>
<b>LESEN PERKHIDMATAN PASARAN MODAL</b>	<b>88</b>

## PROFIL KORPORAT

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) ditubuhkan pada tahun 2000 sebagai inisiatif Kerajaan untuk menjadi sebahagian daripada rangka kerja Pasaran Modal yang lebih luas untuk memberikan kesedaran terutamanya terhadap kepentingan pemegang saham minoriti dan aspek tadbir urus korporat melalui aktivisme pemegang saham serta perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan.

MSWG ialah badan profesional yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Ia merupakan sebuah badan pentadbiran sendiri dan bukan berasaskan keuntungan, yang dibiayai terutamanya oleh Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP). Ia adalah saluran penting bagi disiplin pasaran, menggalakkan tadbir urus yang baik dengan matlamat mewujudkan nilai yang mampan.

Sejak diperbadankan, MSWG berkembang menjadi organisasi penyelidikan dan pemantauan tadbir urus korporat bebas yang dihormati dalam pasaran modal. Ia memaparkan dan memberikan pandangan bebas serta bimbingan kepada pelabur.

Empat organisasi pengasas MSWG ialah:

- Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- Permodalan Nasional Berhad
- Pertubuhan Keselamatan Sosial
- Lembaga Tabung Haji

## MISI

Untuk meningkatkan nilai pemegang saham yang mampan dalam syarikat melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan yang berkenaan, dengan memberikan tumpuan kepada kepentingan pemegang saham minoriti

## OBJEKTIF KORPORAT

MSWG mempunyai Piagam di bawah Memorandum dan Artikel Pertubuhan (M&A), yang menggariskan objektifnya seperti yang diringkaskan di bawah:-

- Menjadi forum berdasarkan pengalaman pemegang saham minoriti;
- Menjadi Badan Pemikir dan Pusat Sumber untuk kepentingan minoriti dan aspek tadbir urus korporat di Malaysia;
- Membangunkan dan menyebarkan aspek pendidikan tadbir urus korporat;
- Menjadi platform untuk memulakan aktivisme pemegang saham secara kolektif terhadap amalan tidak beretika atau yang boleh dipersoalkan yang dibuat oleh pihak pengurusan syarikat tersenarai awam (PLC);
- Mempengaruhi proses membuat keputusan dalam PLC sebagai pemimpin bagi hak dan kepentingan perundangan pemegang saham minoriti;
- Memantau pelanggaran dan ketidakpatuhan dalam amalan tadbir urus korporat oleh PLC; dan
- Melaporkan, jika sesuai, kepada pihak kawal selia dan mengubah MSWG menjadi penghalang yang berkesan terhadap apa-apa kejadian atau aktiviti yang boleh memberikan kesan terhadap kepentingan para pemegang saham minoriti.

## **MAKLUMAT KORPORAT**

### **LEMBAGA PENGARAH**

#### **TAN SRI DATUK DR. SULAIMAN MAHBOB**

- PENERUS / PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

#### **PUAN RITA BENOY BUSHON**

- KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF / PENGARAH EKSEKUTIF

#### **TAN SRI DATO' SERI LODIN WOK KAMARUDDIN**

- PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF MEWAKILI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

#### **DATO' LARRY GAN**

- PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

#### **ENCIK PHILIP KOH TONG NGENE**

- PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

#### **ENCIK NOR HIZAM HASHIM**

- PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

#### **DATUK ZAKARIA SHARIF**

- PENGARAH SILIH GANTI KEPADA TAN SRI DATO' SERI LODIN WOK KAMARUDDIN (PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF)

## SETIAUSAHA SYARIKAT

Chew Phye Keat (BC/C/282)  
Tetuan Raja Darryl & Loh  
Tingkat 18 Wisma Sime Darby  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur

## JURUBANK

Malayan Banking Berhad  
Cawangan Jalan Raja Laut  
Wisma PKNS  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2698 8867  
Faks: (603) 2691 7181

AmBank (M) Berhad  
Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2078 2100  
Faks: (603) 2032 4069

## PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11 Bangunan KWSP  
No. 3, Changkat Raja Chulan  
Off Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2070 9090  
Faks: (603) 2070 9107  
Laman sesawang: [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

## JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers Malaysia  
Tingkat 10, 1 Sentral  
Jalan Travers  
Kuala Lumpur Sentral  
Peti Surat 10192  
50706 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2173 1188  
Faks: (603) 2173 1288

Pegawai untuk dihubungi:  
Lya Rahman  
Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat  
E-mel: [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)  
[watchdog@mswg.org.my](mailto:watchdog@mswg.org.my)

## PROFIL PENGARAH

### Tan Sri Datuk Dr. Sulaiman Mahbob

*Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Umur : 66  
Tarikh Pelantikan : 16 April 2012  
Tarikh Pelantikan sebagai Pengerusi : 11 April 2013  
Tempoh Perkhidmatan : 2 tahun 10 bulan



**Kelayakan Akademik/Profesional** : Dilatih dalam bidang ekonomi, pada mulanya di Universiti Malaya, dan kemudiannya di University of London. Beliau menamatkan Ph.Dnya di Maxwell School of Citizenship & Public Affairs di Syracuse University, Amerika Syarikat pada awal 1986.

#### Jawatan Pengarah Semasa

- : Jawatan Pengarah dalam PLC :
- Felda Global Ventures Holdings Berhad
  - Telekom Malaysia Berhad

#### Syarikat/Institusi Awam Lain:

- Bank Negara Malaysia (BNM)
- Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)
- Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS)

#### Pelantikan Semasa

- : Pada masa ini, mengajar ekonomi dan dasar awam sebagai Profesor Adjung di Universiti Malaya (UM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).

Menyumbang artikel kepada media tempatan tentang topik ekonomi, pembangunan dan kewangan awam.

#### Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas

- :
- Pengerusi, Jambatan Kedua Sdn Bhd
  - Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri dan berkhidmat di pelbagai kementerian dan jabatan, termasuk Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Majlis Ekonomi Negara (MTEN).
  - Presiden Pengasas, Institut Integriti Malaysia (IIAM)
  - Lembaga Pengarah, Petrolia Nasional Berhad (Petronas)
  - Lembaga Pengarah, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
  - Pengerusi Pertama, Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

## Rita Benoy Bushon

*KPE/Pengarah Eksekutif*

Umur : 55

Tarikh Pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif : 1 Januari 2009

Tarikh Pelantikan sebagai Pengarah Eksekutif : 18 Mei 2009

Tempoh Perkhidmatan sebagai Pengarah Eksekutif : 5 tahun 9 bulan



**Kelayakan Akademik/Profesional** : 

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Henley Management College (1993)
- Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi (Statistik) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (1984)
- Memegang Lesen Penasihat Pelaburan di bawah Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007 (sejak 2003)

**Jawatan Pengarah Semasa** : Jawatan Pengarah dalam PLC:  
Tiada

**Pelantikan Semasa** : Dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) sejak 1 Januari 2009.

**Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas** : 

- Pengarah Pengasas MSWG (sejak 2002)
- Pengarah Eksekutif Land & General Berhad (2006 -2008)
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif KFC Holdings (Malaysia) Berhad (2003-2008)
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif Land & General Berhad (2003 -2006)
- Presiden L&G Resources Inc. (2007-2008)
- Pengarah Electronic Sensor Technology Inc., sebuah syarikat yang tersenarai di Amerika Syarikat (2007-2008)
- Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tanggungjawab Pemegang Saham dan Kumpulan Kerja Kepelbagaian bagi Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa 1(ICGN), sebuah pertubuhan global yang diterajui pelabur antarabangsa yang bertanggungjawab untuk menggalakkan tadbir urus korporat (2011-2013)
- Berkhidmat dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selama 23 tahun sejak 1984 sehingga persaraan beliau pada Oktober 2007 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Jabatan Pelaburan seperti Ketua Penyelidikan Ekuiti, Ketua Pengurusan Portfolio Luar, Ketua Ekuiti Swasta dan Ketua Pengawasan Korporat sebelum persaraan pilihan beliau (1984-2007).



- Dianugerahi BrandLaureate Brand ICON Leadership Award bagi Kepimpinan Transformasi oleh Asia Pacific Brands Foundation (2011)
- Dianugerahi Anugerah Wanita Cemerlang bagi "Pencapaian Cemerlang" di bawah Kategori Separuh Kerajaan yang disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita (2014)

#### Anugerah/Pencapaian

- Dianugerahi "Pengiktirafan 10 Personaliti Unggul Terbaik" yang disokong oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (2014)

### Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin

*Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

- Umur : 65
- Tarikh Pelantikan : 5 November 2001
- Tempoh Perkhidmatan : 13 tahun 4 bulan



#### Kelayakan Akademik/Profesional

- Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan, University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat

#### Jawatan Pengarah Semasa

- Jawatan Pengarah dalam PLC:
  - Pengerusi Boustead Heavy Industries Corporation Berhad
  - Pengerusi Pharmaniaga Berhad
  - Timbalan Pengerusi Affin Holdings Berhad
  - Naib Pengerusi Boustead Plantations Berhad
  - Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad

#### Syarikat/Institusi Awam Lain:

- Pengerusi 1Malaysia Development Berhad
- Pengarah Affin Bank Berhad
- Pengarah Affin Islamic Bank Berhad
- Pengarah Affin Hwang Investment Bank Berhad
- Pengarah Affin Hwang Asset Management Berhad
- Pengarah AXA Affin Life Insurance Berhad
- Pengarah MHS Aviation Berhad
- Pengarah Boustead Properties Berhad
- Pengarah UAC Berhad
- Pengarah JCB Berhad

#### Pelantikan Semasa

- : • Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)
- Timbalan Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan Boustead Holdings Berhad

#### Lain-lain

- : • Menerima Chevalier De La Legion d'Honneur Award daripada Kerajaan Perancis
- Anugerah Keusahawanan Cemerlang APEA 2008
- Ijazah Kedoktoran Undang-undang (*honoris causa*) Majlis dan Senat University of Nottingham, United Kingdom
- Anugerah Alumni UiTM Tahun 2010
- Anugerah The BrandLaureate Most Eminent Brand Icon Leadership Award 2012 oleh Asia Pacific Brands Foundation
- Anugerah The BrandLaureate Corporate Leader of The Year Award 2013-2014

## Dato' Larry Gan

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



Umur : 59  
Tarikh Pelantikan : 20 Julai 2005  
Tempoh Perkhidmatan : 9 tahun 7 bulan

**Kelayakan Akademik/Profesional** :  
• Perunding Pengurusan Bertauliah  
• Akauntan Bertauliah

**Jawatan Pengarah Semasa** : Jawatan Pengarah dalam PLC:  
• KPE dan Pengarah Urusan OMESTI Berhad  
• Pengarah AMMB Holdings Berhad  
• Pengerusi Cuscapi Berhad  
• Pengerusi Rev Asia Berhad (Dahulunya dikenali sebagai Catcha Media Berhad)  
• Pengarah Tropicana Corporation Berhad

**Pelantikan Semasa** : Syarikat/Institusi Awam Lain:  
• Pengarah Graphene Nanochem Ltd (UK)  
• Pengarah Amlslamic Bank Berhad  
• Pengarah Tanjong Public Limited Company  
• Pengarah Saujana Resort (M) Berhad  
• Pengerusi Dewan Perniagaan British Malaysia

**Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas** :  
• Rakan Pengurusan Asia dan Rakan Pengurusan Corporate Development Asia Pasifik  
• Pengerusi KPE Majlis Penasihat  
• Ahli, Global Management Council  
• Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM)  
• Ahli Kumpulan Pemikir bagi Kementerian Sains & Teknologi  
• Ahli Tribunal Hakcipta  
• Ahli Jawatankuasa Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan

## Philip Koh Tong Ngee

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



Umur : 60  
Tarikh Pelantikan : 2 Jun 2005  
Tempoh Perkhidmatan : 9 tahun 9 bulan

**Kelayakan Akademik/Profesional** :

- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) (Kepujian), Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M), University of London
- Ijazah Sarjana Sastera (Teologi), Australian Catholic University

**Pelantikan Semasa** :

- Peguam bela & Peguam cara, Mahkamah Tinggi Malaya
- Ahli Panel Timbang tara bagi Pusat Timbang tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)
- Rakan Kongsi Kanan, Mah-Kamariyah & Philip Koh

:

- Ahli, Kumpulan Penasihat Sektor Swasta, Perbadanan Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan yang ditubuhkan menurut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009

:

Jawatan Pengarah dalam PLC:  
Tiada


**Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas** :

- Ahli, Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Perbadanan (CLRC)
- Ahli, Lembaga Pengarah Antarabangsa WORLD VISION
- Sarjana Pelawat Fulbright kepada Profesor Oliver Hart daripada Harvard University, Jabatan Ekonomi
- Ahli, pasukan perundangan undang-undang dalam Jawatankuasa John Ruggie PBB bagi Hak Asasi Syarikat dan Manusia
- Pengarang bersama laporan OECD tentang tadbir urus korporat dan undang-undang insolvensi dan ulasan teks utama dan kerja tentang undang-undang korporat dan awam.

## Encik Nor Hizam Hashim

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Umur : 65  
Tarikh Pelantikan : 2 Disember 2009  
Tempoh Perkhidmatan : 5 tahun 3 bulan



**Kelayakan Akademik/Profesional** :  
• Akauntan Bertauliah  
• Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Western Australia  
• Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) dengan Kepujian, Universiti Malaya

**Jawatan Pengarah Semasa** : Jawatan Pengarah dalam PLC:  
Tiada

**Pelantikan Semasa** : Tiada

**Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas** :  
• Penasihat, Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri  
• Akauntan dan Penganalisis Kewangan di ESSO Malaysia Berhad  
• Pengawal Kewangan di sebuah anak syarikat Kumpulan Unilever  
• Pengurus Besar (Kewangan), Raleigh Berhad  
• Ketua Pegawai Operasi, Telekom Malaysia Berhad  
• Ahli Lembaga Pengarah, Anak Syarikat Telekom Afrika Selatan  
• Ketua Pegawai Kewangan, Telekom Afrika Selatan  
• Ketua Pegawai Eksekutif, TM International Corporation  
• Ahli Lembaga Pengarah, anak syarikat TM

## **Datuk Zakaria Sharif**

*Pengarah Silih Ganti kepada Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin  
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)*

Umur : 57  
Tarikh Pelantikan : 16 Januari 2012  
Tempoh Perkhidmatan : 3 tahun 1 bulan



**Kelayakan Akademik/Profesional** :  
• Siswazah Ekonomi dengan pengkhususan dalam Perakaunan daripada Monash University, Australia  
• Felo Australian Society of Certified Public Accountants (FCPA)  
• Ahli Bersekutu, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)  
• Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

**Jawatan Pengarah Semasa** : Jawatan Pengarah dalam PLC:  
• Boustead Plantations Berhad

**Pelantikan Semasa** :  
• Timbalan Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

**Jawatan Pengarah dan/atau Pelantikan Lepas** :  
• Juruaudit, Tetuan Price Waterhouse & Co.  
• Pengurus Pelaburan, LTAT  
• Pengurus Besar, Emastulin Automobile Sdn Bhd  
• Pengurus Besar, Boustead Trading  
• Pengurus Besar, PERHEBAT, anak syarikat milik penuh LTAT  
• Pengurus Besar, Perbadanan Perwira Harta Malaysia

## KUMPULAN PENGURUSAN MSWG



**RITA BENOY BUSHON**

Ketua Pegawai Eksekutif

Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Henley Management College, UK

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Statistik) (Kepujian), UKM

Pemegang Lesen Penasihat Pelaburan

rita@mswg.org.my



**LYA RAHMAN**

Pengurus Besar, Perkhidmatan Korporat  
Pemegang Lesen Setiausaha Syarikat, SSM

lyarahman@mswg.org.my



**CHONG CHEE FERN**

Pengurus Besar, Pemantauan Korporat  
Siswazah Lanjutan Diploma dalam  
Perakaunan, UM

Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan)  
(Kepujian), UM

Akauntan Bertauliah (M), Pemegang  
kelayakan Perancang Kewangan Bertauliah  
(CFP)

chongcf@mswg.org.my



**REBECCA YAP**

Ketua, Pemantauan Korporat  
Ketua Kewangan

Ijazah Sarjana Muda Perniagaan  
(Perakaunan), Monash University, Australia  
CPA, CPA Australia, Akauntan Bertauliah (M)  
rebecca.yap@mswg.org.my



**QUAH BAN AIK**

Ketua, Pemantauan Korporat  
Ketua, Aduan Pelabur  
Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan  
(Kewangan), UPM  
Ijazah Sarjana Muda Undang-undang  
(London), UK  
CLP, Malaysia  
AIIA

banaik.quah@mswg.org.my



**NORHISAM SIDEK**  
Pengurus, Pemantauan  
Korporat  
Ijazah Sarjana Muda  
Perakaunan (Kepujian),  
UITM  
Akauntan Bertauliah (M)  
norhisam@mswg.org.my



**SHAHNUL NIZA DATO  
DR. MOHD YUSOF**  
Pengurus, Pemantauan  
Korporat  
CIMA Adv Dip MA (UK)  
Ijazah Sarjana  
Pentadbiran Perniagaan,  
Charles Sturt, Australia  
Ijazah Sarjana Muda  
Pentadbiran (Kepujian)  
Perakaunan dan  
Kewangan, Leeds  
Metropolitan, UK  
AIIA  
shahnul.niza@mswg.org.my



**LEE CHEE MENG**  
Pengurus,  
Pemantauan  
Korporat  
Akauntan Bertauliah  
(M), FCCA-UK  
chee.meng@mswg.org.my



**WONG KIN WING**  
Pengurus, Pemantauan  
Korporat  
Ijazah Sarjana Muda  
Komunikasi &  
Pentadbiran, Victoria  
University of  
Wellington, NZ  
Penganalisis Kewangan  
Bertauliah (CFA),  
Pemegang Lesen Wakil  
Perkhidmatan Pasaran  
Modal  
kinwing@mswg.org.my



**VINODTH RAM**  
Penganalisis/Eksekutif Perkhidmatan Korporat  
Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan  
Gunaan, University of Ballarat, Australia  
Diploma Pengurusan Perniagaan, BAC,  
Malaysia  
vinodth.ram@mswg.org.my



**NORKHALIDAH KHALIL**  
Penganalisis  
Ijazah Sarjana Muda Perniagaan &  
Pentadbiran (Pemasaran) (Kepujian), UUM  
khalidah@mswg.org.my



**EMILY LIM**  
Pengurus Kewangan  
LCCI  
emily@mswg.org.my



**S. PADMA DEVI**  
Pengurus Teknologi Maklumat  
Ijazah Sarjana Muda Sains  
Komputer (IT), Staffordshire  
University  
Diploma IT - Politeknik Johor  
Bahru  
padmadevi@mswg.org.my



**HAZEL LABASBAS**  
Eksekutif Perkhidmatan Korporat  
Ijazah Sarjana Pentadbiran  
Perniagaan, AIM, Ph  
hazel.labasbas




## AHLI BERSEKUTU




**NORAIDA MARIA MOHD HATTA**  
FCA (ICAEW)  
Ijazah Sarjana Muda  
Perakaunan dan Kewangan  
(Kepujian), University of  
Strathclyde, Glasgow, Scotland



**LEE LEOK SOON**  
FCMA, FCCA, Akauntan  
Bertauliah (M)



**PUAN SRI RUSILA ABD RAZAK**  
Ijazah Sarjana Muda Undang-  
undang Kepujian (London)  
Ijazah Sarjana Muda Undang-  
undang (Maritim)  
Barrister-at-Law, Gray's Inn




**JOSEPHINE EDWARDS**  
ACCA (UK), CPA  
Australia, MIA



**KHOO HSU CHUANG**  
Ijazah Sarjana Muda  
Undang-undang  
(Kepujian) Leicester  
University



**RATHIMALAR  
SUNDRAM**  
Ijazah Sarjana Muda  
Undang-undang  
(Kepujian), University  
of London  
LLM, University of  
Staffordshire  
ACMA



**BENARD FRANCIS**  
Ijazah Sarjana Muda  
Undang-undang  
(Kepujian),  
UWE Bristol, CLP

## PERNYATAAN PENERUSI



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

MSWG mencapai satu lagi prestasi yang ketara pada 2014 yang mencerminkan komitmen kukuh kami untuk terus mewujudkan kesedaran tentang isu yang memberikan kesan kepada pemegang saham minoriti, dan pada masa yang sama memperkukuh disiplin pasaran dengan menggalakkan piawaian yang lebih ketat terhadap tadbir urus korporat dan amalan terbaik.

### Tahun dalam Kajian

Sementara kami menjangkakan ketidakpastian yang semakin meningkat dalam ekonomi dan pasaran kewangan global dengan menjunamnya harga minyak mentah dan kelemahan Ringgit mengalir ke dalam perolehan korporat Malaysia, aspek tadbir urus akan memainkan peranan yang lebih penting dalam masa yang sedemikian. Besar kemungkinan syarikat yang telah mempunyai pengurusan risiko akan dapat

mengatasi cabaran ekonomi tersebut. Melangkah ke hadapan, dijangka bahawa syarikat tidak sepatutnya berkompromi dalam bidang ini kerana ia merupakan satu faktor pembeza.

Sehubungan ini, Malaysia berterusan mendesak agenda Tadbir Urus Korporat (CG) sepanjang 2014. Salah satu sorotan utama dalam agenda pembaharuan Tadbir Urus Korporat (CG) di Malaysia pada 2014 ialah pelancaran Kod Pelabur Institusi Malaysia (Kod). MSWG menerajui usaha sama ini, bersama dengan pelabur institusi terbesar di Malaysia, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Pertubuhan Keselamatan Sosial, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia dan Pentadbir Pencen Swasta. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pula memberikan dorongan dan desakan terhadap usaha itu.

Kod ini menggariskan prinsip umum penyeliaan yang berkesan oleh pelabur institusi seperti pendedahan mereka terhadap dasar penyeliaan, pemantauan dan penglibatan dengan syarikat penerima pelaburan dan menguruskan konflik kepentingan. Penggunaan Kod ini oleh pelabur institusi akan menggalakkan tadbir urus yang baik dan kemampuan jangka panjang terhadap syarikat penerima pelaburan mereka. Sejak pelancaran Kod ini, MSWG telah melibatkan diri secara aktif dengan pemegang saham institusi, tempatan dan asing, supaya mendaftar sebagai penandatangan. Pada masa ini kami mempunyai enam (6) penandatangan Kod. Sambil kita memasuki 2015, kami berharap akan dapat meningkatkan bilangan penandatangan, antara lain melalui penubuhan badan penaung bagi pelabur institusi di Malaysia.

MSWG amat berbesar hati diberi kepercayaan oleh SC untuk menjadi badan penarafan dalam negeri yang ditetapkan bagi penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN. Kami berbesar hati atas kesudian Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin merasmikan dan menyampaikan ucapan dasar di Majlis Anugerah Indeks Ketelusan, Penemuan dan Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat Tahunan 2014 kami, dengan Indeks Ketelusan

Tadbir Urus Korporat bagi 100 syarikat tersenarai awam (PLC) yang teratas diperkenalkan dan penemuan dibentangkan. Dalam majlis itu, syarikat korporat yang menyokong ketelusan dalam syarikat mereka dan juga orang perseorangan yang memperjuangkan tadbir urus korporat yang baik juga diiktiraf.

Kami gembira menyatakan bahawa sambil kita bergerak memasuki tahun ketiga menggunakan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN sebagai alat untuk mengukur piawaian CG syarikat tersenarai awam (PLC), Indeks Ketelusan CG untuk 100 syarikat tersenarai awam yang teratas menunjukkan trend meningkat sejak 2012, dan telah menokok daripada 75.99 mata pada 2013 kepada 76.80 mata pada 2014. Usaha kami sejak beberapa tahun lalu untuk menggalakkan penzahiran minit Mesyuarat Agung Tahunan di laman sesawang korporat juga telah membuahkan hasil dengan lebih banyak syarikat berbuat demikian pada 2014 berbanding 2013. Petunjuk CG utama yang lain juga bertambah baik, contohnya pelantikan wanita sebagai ahli lembaga pengarah dan pernyataan tanggungjawab korporat (CSR). Pendedahan menunjukkan penambahbaikan yang ketara dalam bidang piagam lembaga pengarah, kod etika dan penilaian lembaga pengarah. MSWG telah menilai sejumlah 873 PLC pada 2014, dan laporan tentang penemuan penuh akan dikeluarkan pada penghujung Mac 2015.

Penunjuk CG yang lebih baik seperti pendedahan aktiviti CSR dan pelaporan kemampanan memberikan petanda yang baik dan melengkapkan Indeks Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang dilancarkan oleh Bursa Malaysia pada 22 Disember 2014, selaras dengan wawasan Perdana Menteri dalam Bajet 2014. Indeks ini digunakan untuk mengukur prestasi syarikat yang menunjukkan amalan ESG yang kukuh. Komponen indeks baharu mestilah memenuhi kriteria tanda aras antarabangsa yang mengukur perkara seperti usaha pemuliharaan alam sekitar, kesan daripada inisiatif tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan amalan tadbir urus yang baik melalui pembuatan keputusan yang bertanggungjawab dan beretika.

Selaras dengan misi MSWG untuk memberikan nilai pemegang saham yang mampan melalui perbincangan dan interaksi dengan pihak berkepentingan yang berkenaan, dengan tumpuan kepada kepentingan pemegang saham minoriti,

MSWG melalui aktiviti pemantauan korporat terasnya berjaya meliputi kira-kira 300 PLC di Bursa Malaysia pada 2014. Penganalisis kami menghabiskan sejumlah besar masa turun ke lapangan untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan (AGM) dan mesyuarat agung luar biasa (EGM) untuk membangkitkan isu berkaitan dan berkongsi, antara lain, maklumat tentang amalan tadbir urus korporat yang baik dan juga mendapat maklum balas yang bernilai daripada pemegang saham ketika AGM/EGM.

Pada peringkat antarabangsa, MSWG terus mengambil bahagian dalam Persidangan Meja Bulat CG global seperti Persidangan Serantau ICGN dan Persidangan Meja Bulat Tadbir Urus Korporat OECD Asia dan memberikan komen dan maklum balas tentang aspek dasar dan kertas perundingan CG, termasuk berkongsi pengalaman Malaysia terutamanya tentang aspek CG dan pembangunan kod bagi pelabur institusi.

Mesej KPE serta Perbincangan dan Analisis Pengurusan akan merangkumi prestasi operasi dan kewangan kami dengan lebih terperinci, seperti juga penyata kewangan yang disertakan dalam Laporan Tahunan.

### **Melangkah ke Hadapan**

Walaupun kami menjangkakan bahawa 2015 akan menjadi tahun yang mencabar bagi Malaysia, asas ekonomi negara terus kukuh, disokong oleh tahap rizab luar yang selesa, hutang luar negara yang rendah, kadar pengangguran yang rendah dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang sihat. Oleh itu, walaupun akan ada pengecualian, kami percaya pada dasarnya PLC kita akan kekal berdaya tahan dan dapat mengharungi hari-hari mencabar yang akan datang berdasarkan asas tadbir urus korporat mereka yang kukuh.

Sambil kita maju ke hadapan, MSWG akan terus mempertingkatkan dan menambah baik kemudahan untuk pihak berkepentingan melalui perkhidmatan dan aktiviti teras kami.

Kami berjaya melaksanakan penilaian PLC dengan menggunakan Kad Skor Tadbir

Urus Korporat ASEAN untuk tiga tahun berturut-turut, dan dijangka akan terus berbuat demikian pada 2015 dan seterusnya. Kami akan terus melibatkan diri dengan PLC untuk memastikan mereka terus menambah baik piawaian CG mereka, dan muncul dalam kalangan 50 syarikat tersenarai awam teratas di rantau ASEAN dari segi piawaian CG. Memandangkan Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015, ia menjadi petanda baik bagi negara kita untuk memimpin melalui teladan dengan mempunyai piawaian tadbir urus korporat yang tinggi oleh PLC kita.

Berikutan kejayaan pelancaran Kod tersebut, kita kini bersedia meneruskan ke fasa berikutnya dalam memudahkan penubuhan badan penaung bagi pelabur institusi di Malaysia. Ini adalah jalan baharu dan belum diterokai tetapi, saya percaya, MSWG bersedia sepenuhnya untuk memenuhi cabaran tersebut. Pada bulan-bulan akan datang, kami akan bekerja rapat dengan pemilik aset, pemain industri dan pengawal selia untuk memastikan bahawa badan penaung tersebut memenuhi objektif seperti yang dinyatakan dalam Kod dan Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011.

## Penghargaan

Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) atas sokongan berterusannya kepada MSWG dan membiayai aktiviti kami yang bertujuan mengukuhkan lagi pembangunan pasaran modal Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pelanggan institusi, runcit dan korporat kami, Ahli Pengasas kami dan badan profesional, yang terus menyokong program dan kerja tadbir urus MSWG. Penghargaan saya juga kepada media dan juga rakan kongsi pasaran modal yang telah mengetengahkan isu tadbir urus korporat untuk menjadikan pasaran modal lebih telus.

Selanjutnya, izinkan juga saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan Lembaga Pengarah kepada pihak pengawal selia - SC dan Bursa Malaysia, kerana bekerjasama rapat dengan kami untuk mempertingkatkan kualiti tadbir urus korporat dalam pasaran modal, termasuk membawa kesedaran pelabur yang lebih tinggi terhadap hak dan tanggungjawab mereka.

Penghargaan saya kepada KPE MSWG yang tekad dan wawasannya telah membawa MSWG ke tahap yang lebih tinggi. Beliau telah berjaya menerajui dan menyelaraskan Jawatankuasa Kerja bagi Kod untuk memastikan hasilnya. Bagi pihak MSWG, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada beliau kerana menjadi salah seorang penerima Anugerah Wanita Cemerlang 2014.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang amat mendalam kepada pihak pengurusan, kakitangan dan sekutu MSWG yang telah berusaha keras untuk mencapai matlamat organisasi dengan kesungguhan dan profesionalisme untuk meningkatkan dan menaikkan taraf piawaian tadbir urus korporat dan ketelusan dalam pasaran modal Malaysia. Dedikasi mereka sesungguhnya telah membolehkan MSWG menjadi sebuah organisasi yang sangat dihormati dan profesional.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan Pengarah saya atas sumbangan dan bimbingan mereka sepanjang tahun.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

*(tandatangan)*

**Tan Sri Datuk Dr. Sulaiman Mahbob**  
**Pengerusi**

**Tarikh: 17 Februari 2015**



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG) komited sepenuhnya terhadap piawaian tertinggi tadbir urus korporat dalam mencapai objektif utamanya untuk menggalakkan aktivisme pemegang saham dan mempengaruhi amalan baik dalam kalangan PLC. Lembaga Pengarah mengakui bahawa adalah penting untuk menjadi teladan dalam amalannya.

Lembaga Pengarah berpandukan yang berikut:

### Kod Tatakelakuan & Kod Etika

1. Para Pengarah mengakui dan menerima skop dan tahap tugas mereka sebagai Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menjalankan fungsi pengawasan demi kepentingan MSWG, dalam bidang kuasanya dan selaras dengan tugas fidusiarinya.
2. Lembaga Pengarah dijangka mematuhi standard kesetiaan, niat baik dan pengelakan konflik kepentingan.
3. Lembaga Pengarah akan:
  - i. bertindak demi kepentingan terbaik dan memenuhi tanggungjawab fidusiarinya mereka kepada MSWG;
  - ii. bertindak dengan jujur, adil, beretika dan berintegriti;
  - iii. melaksanakan tugasnya secara profesional, sopan dan rasa penuh hormat;
  - iv. mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan yang terpakai;

- v. bertindak dengan niat baik, penuh tanggungjawab, teliti, cekap dan tekun, tanpa mengeneipkan pertimbangan bebas untuk kepentingan lain selain kepentingan Syarikat;
- vi. mengekalkan sahsiah beretika dan bermoral tinggi, secara profesional dan peribadi, serta bertindak dengan cara yang akan mempertingkatkan dan mengekalkan reputasi MSWG;
- vii. mendedahkan apa-apa potensi berlakunya konflik kepentingan, termasuk yang mungkin timbul berhubung dengan apa-apa perkara yang boleh dibawa berbincang di hadapan Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian dalam apa-apa perkara yang mempunyai atau mungkin mempunyai konflik kepentingan;
- viii. menyediakan untuk dan berkongsi dengan rakan Pengarah maklumat yang mungkin sesuai untuk memastikan tatalaku yang wajar dan pengendalian yang baik oleh MSWG dan Lembaga Pengarahnya;
- ix. menghormati kerahsiaan maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal Syarikat yang diperolehi semasa perkhidmatannya sebagai Pengarah, kecuali apabila diberi kuasa atau dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat tersebut; dan
- x. tidak menggunakan maklumat sulit yang diperolehi semasa perkhidmatannya sebagai Pengarah untuk kepentingan peribadi mereka.

### **Komposisi Lembaga Pengarah**

1. Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada para pengarah yang mempunyai kemahiran, kecekapan, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian perspektif yang diperlukan dan mereka yang mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka tanpa sebarang konflik kepentingan.

2. Bilangan maksimum pengarah yang akan dilantik dalam Lembaga Pengarah ialah sepuluh (10).
3. Tempoh pelantikan Pengarah Bukan Eksekutif tidak boleh melebihi 12 tahun.
4. Selaras dengan aktiviti dan objektif MSWG, serta keperluan pelesenan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, sekurang-kurangnya seorang Ahli Lembaga Pengarah mestilah pemegang lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSR).
5. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada individu yang mempunyai reputasi dan kedudukan yang baik.
6. Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dipilih oleh ahli Lembaga Pengarah.
7. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mempunyai apa-apa bantahan terhadap pelantikan ahli yang berpotensi kepada Lembaga Pengarah.
8. Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh menjawat lebih daripada lima jawatan lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai awam.

### **Mesyuarat Lembaga Pengarah**

1. Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.
2. Kuorum mesyuarat hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli termasuk Pengerusi.
3. Keputusan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah berdasarkan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi sama banyak, maka Pengerusi berhak memberikan undi pemutus.

4. Notis Mesyuarat Lembaga Pengarah hendaklah diberi sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.
5. Kertas Lembaga Pengarah hendaklah diedarkan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.
6. Setiap Pengarah mestilah menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan Mesyuarat Lembaga Pengarah dalam setahun secara individu atau melalui telesidang.

## MESYUARAT PENGARAH YANG DIADAKAN PADA 2014

Pada tahun 2014, empat (4) Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah menghadiri kesemua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Kehadiran para Pengarah adalah seperti yang berikut:

PENGARAH	BIL. MESYUARAT			
	25/2/2014	30/6/2014	30/9/2014	3/12/2014
Tan Sri Datuk Dr Sulaiman Mahbob	●	●	●	●
Rita Benoy Bushon	●	●	●	●
Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin	●	●	●	●
Dato' Larry Gan	●	●	○	●
Philip Koh Tong Ngee	●	●	●	●
Nor Hizam Hashim	●	●	●	●
Datuk Zakaria Sharif (Pengarah Silih Ganti kepada Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin)	○	○	○	○

Nota : ● Hadir

○ Tidak Hadir

## JAWATANKUASA PENCALONAN DAN GANJARAN

Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC) pada Februari 2014 dan dikawal selia mengikut Bidang Tugasnya.

### Komposisi

Komposisi NRC adalah seperti yang berikut: -

- Tan Sri Datuk Dr Sulaiman Mahbob – Pengerusi
- Dato' Larry Gan – Ahli
- Encik Nor Hizam Hasmin - Ahli

### Bidang Tugas

Lembaga Pengarah telah membentuk NRC dengan skop dan kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah seperti yang dinyatakan dalam bidang tugas berikut:

### Pencalonan

- (i) Menggubal dasar pencalonan, pemilihan dan penggantian Lembaga Pengarah, termasuk gabungan kemahiran, pengalaman dan kualiti lain untuk membolehkan Lembaga Pengarah berfungsi dengan cekap.
- (ii) Melaksanakan proses kelulusan rasmi bagi penilaian dan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhannya dan sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah secara individu.
- (iii) Menyemak dan menilai keseimbangan Lembaga Pengarah dari segi set kemahiran/jantina dan komposisi serta mencadangkan pelantikan baharu/pelantikan semula pengarah kepada Lembaga Pengarah.
- (iv) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah satu dasar tentang protokol Lembaga Pengarah termasuk tempoh, pemegangan jawatan pengarah lain dan isu yang berkaitan dengan konflik kepentingan.

- (v) Memastikan wujudnya rangka kerja yang sesuai dan pelan penggantian KPE dan kakitangan pengurusan utama.
- (vi) Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah satu dasar tentang sumber manusia yang akan mencakupi, tetapi tidak terhad kepada, keperluan mengambil dan mengekalkan KPE dan kakitangan pengurusan utama yang berkaliber, berpengalaman dan mempunyai kualiti yang sesuai untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan pengurusan Syarikat.
- (vii) Menyediakan program orientasi yang bersesuaian berkaitan dengan aktiviti Syarikat untuk ahli lembaga pengarah yang baru dilantik. Taklimat program orientasi boleh dijalankan oleh KPE.

### **Ganjaran**

Mengkaji dan mencadangkan yang berikut: -

- (i) Ganjaran para Pengarah untuk diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.
- (ii) Rangka kerja/model pengurusan prestasi termasuk menetapkan parameter sasaran prestasi yang bersesuaian dan penanda aras kepada KPE pada permulaan setiap tahun kewangan.
- (iii) Terma pekerjaan KPE termasuk ganjaran dan manfaat.
- (iv) Dasar tentang pakej ganjaran bagi pekerja Syarikat.
- (v) Pelan pampasan insentif yang bersesuaian untuk kakitangan pengurusan utama.
- (vi) Pembayaran bonus tahunan kepada KPE dan kakitangan pengurusan utama.

NRC, dalam skop bidang tugasnya, diberi kuasa untuk mendapatkan apa-apa maklumat berkaitan yang diperlukan melalui pihak Pengurusan. Dalam konteks ini, NRC boleh menggunakan khidmat perunding untuk mendapatkan perkhidmatan guaman dan profesional bebas lain yang diperlukan atas perbelanjaan syarikat.

### **MESYUARAT NRC**

1. NRC hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun atau apabila diperlukan.
2. Kuorum mesyuarat NRC ialah dua orang ahli jawatankuasa.
3. Ahli Lembaga Pengarah lain, KPE atau eksekutif pengurusan utama boleh menghadiri mesyuarat NRC atas jemputan jawatankuasa.
4. Setiausaha Syarikat akan menjadi Setiausaha NRC.
5. Notis dan kertas untuk mesyuarat akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh mesyuarat NRC.

Ahli jawatankuasa dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli ditunjukkan dalam jadual di bawah:

AHLI NRC	BIL. MESYUARAT		
	21/4/2014	30/6/2014	22/9/2014
Tan Sri Datuk Dr Sulaiman Mahbob	●	●	●
Dato' Larry Gan	●	●	○
Nor Hizam Hashim	●	●	●

Nota : ● Hadir

○ Tidak Hadir

### **DIVIDEN**

Tiada dividen diisytiharkan atau dibayar kepada ahli pengasas bagi tahun 2014, memandangkan MSWG ialah sebuah syarikat berhad menurut jaminan dan tidak mempunyai modal saham.

Semakin bermoral masyarakat dalam menjalankan urusan perniagaan mereka, semakin kurang kertas kerja yang anda perlukan, dan semakin banyak urus janji yang boleh anda peroleh, sekali gus semakin baik mekanisme kapitalisme kerana terdapatnya kepercayaan dalam pasaran.

**Etika perniagaan bukannya suatu gurauan.**

Rick Santorum



**Ucapan Dasar oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin**  
**Timbalan Perdana Menteri Malaysia**  
**di**  
**Majlis Anugerah Indeks Ketelusan, Penemuan dan Pengiktirafan Tadbir Urus**  
**Korporat Tahunan 2014**



Majlis Penemuan dan Penganugerahan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2014

Bulan depan menandakan bermulanya tahun baharu bagi kita semua. Masa berlalu dan kita sering mengambil mudah betapa beruntungnya kita menjadi rakyat Malaysia. Walaupun malangnya masih terdapat beberapa peperangan dan perbalahan di seluruh dunia, negara kita merupakan sebuah negara yang aman yang mencatat pencapaian yang agak baik di peringkat serantau dan juga antarabangsa.

Saya, sudah tentu, merujuk lonjakan dan kemajuan ketara yang telah kita laksanakan dari segi cara kita mentadbir, mengawal dan menguruskan tingkah laku yang baik dalam sektor korporat kita. Penambahbaikan ini, saya berani katakan, sememangnya mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

## **Prestasi Malaysia dalam Tadbir Urus Korporat**

Sebagai contoh, kita akan mengakhiri tahun 2014 dengan mengekalkan kedudukan keempat dalam Laporan Pengawasan Tadbir Urus Korporat 2014 CLSA-ACGA. Dan kita berjaya berbuat demikian dengan menjadi satu-satunya pasaran di Asia Pasifik yang menambah baik skor secara konsisten. Bagi tahun 2014, kedudukan kita meningkat sebanyak tiga mata kepada 58 mata daripada dua tahun yang lalu. Satu aspek utama yang penting daripada usaha kita terletak pada reputasi yang kita peroleh sebagai salah satu hab perniagaan yang dipercayai di Asia Tenggara.

Pada Jun 2014, Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) mengeluarkan Laporan dan Penilaian Negara Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN 2013-2014, yang menunjukkan bahawa PLC dari Malaysia terus muncul sebagai penilai tertinggi antara enam negara ASEAN yang mengambil bahagian, iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Vietnam.

Keyakinan para pemegang saham dan pelabur hanya boleh dirangsang apabila terdapatnya persekitaran perniagaan yang telus, bersama rangka kerja pengawalseliaan yang kukuh berdasarkan piawaian tadbir urus korporat antarabangsa.

Iklm perniagaan yang kondusif sedemikian tidak berlaku secara tidak sengaja. Kita telah bekerja keras, selama beberapa tahun, untuk mewujudkan iklim operasi yang adil dan telus dan berusaha keras untuk memastikan ia kekal sedemikian, agar Malaysia menjadi lebih berdaya saing.

## **Amalan Malaysia dalam Menyokong Persekitaran Perniagaan**

Perhatian dan tumpuan kita dalam membina piawaian yang terbaik dalam menjalankan perniagaan sudah mula membuah hasil. Malaysia berjaya menambahbaik persekitaran perniagaannya dan Bank Dunia kini meletakkannya pada kedudukan ke-18 daripada 189 ekonomi seperti yang terkandung dalam Laporan Kemudahan Menjalankan Perniagaan 2015. Bukan sahaja ini merupakan peningkatan daripada setahun yang lalu, malah kita berjaya mendahului negara seperti Taiwan, Switzerland dan Jepun. Selain itu, Malaysia kini berada di kedudukan pertama dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun Asia Timur.

Pertama, kita telah mencapai skor yang tinggi dalam bidang seperti perlindungan pelabur minoriti, perdagangan merentasi sempadan, permulaan perniagaan, mendapatkan kredit, menguatkuasakan kontrak, membayar cukai, dan menyelesaikan insolvensi.

Kedua, pelaburan langsung asing (FDI) bersih Malaysia terus berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada rakan-rakan kita di rantau ini. Kita mencatatkan

lonjakan 22 peratus yang mengagumkan dalam aliran masuk FDI bersih kepada \$12.3 bilion pada 2013 daripada \$9.4 bilion pada tahun sebelumnya, menurut Laporan Pelaburan Dunia yang diterbitkan oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perdagangan dan Pembangunan (UNCTD).

Ini merupakan pertumbuhan yang paling kukuh dalam aliran masuk FDI dalam kalangan negara-negara ASEAN pada 2013. Syarikat dari China, Jerman dan juga Sepanyol terus menyatakan minat untuk membawa pelaburan mereka ke negara ini.

Ketiga, pendekatan Malaysia untuk tadbir urus korporat yang baik telah membawa negara ini menjadi salah satu tempat yang menarik bagi penjana modal di rantau Asia Pasifik. Bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 2014, Malaysia mendahului senarai negara yang paling aktif di Asia Tenggara dengan terbitan ekuiti berjumlah \$6.4 bilion, menurut IFR Asia, iaitu penerbitan Thompson-Reuters.

Keempat, tadbir urus korporat yang baik telah membantu mengukuhkan sumber kekuatan Malaysia, pembeza pasaran kita, iaitu: kepelbagaian. Di bawah beberapa langkah yang diambil oleh kerajaan, kadar penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia meningkat kepada 52.4 peratus pada 2013 daripada 49.5 peratus pada tahun sebelumnya. Dengan usaha berterusan Malaysia untuk menggalakkan kepelbagaian, saya tidak ragu-ragu bahawa kita akan mencapai sasaran supaya wanita membentuk 55 peratus daripada tenaga kerja di negara ini menjelang tahun 2015.

Melangkah ke hadapan, kesungguhan Kerajaan dalam menunjukkan sokongan untuk "Wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah" dibuktikan melalui geran yang diberikan untuk memastikan ketersediaan mereka menjadi ahli lembaga pengarah. Namun begitu, statistik terbaharu bagi "Wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah" pada November 2014 daripada kajian MSWG hanyalah 10 peratus sahaja.

Saya ingin menggesa Lembaga Pengarah Korporat di Malaysia supaya menyedari agenda kepelbagaian, terutamanya jurang jantina, dan memastikan bahawa wanita yang berkecualan dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah kerana ia merupakan satu parameter pengurusan risiko.

### **Memupuk Budaya Tadbir Urus yang Baik**

Tadbir urus korporat yang baik, walau bagaimanapun, bukan sahaja tentang menetapkan peraturan, mendapat anugerah dan mencapai kejayaan. Di Malaysia, kita telah berjaya mempertingkatkan tadbir urus korporat dalam bidang yang merangkumi daripada pelaksanaan pengundian wajib bagi urus niaga pihak berkaitan hinggalah kepada memberikan mandat untuk Jawatankuasa pencalonan serta meningkatkan pendedahan latihan pengarah.

Kita telah meningkatkan penguatkuasaan kita dengan kejayaan pendakwaan kes dan pengeluaran celan awam dan swasta terhadap pengarah, syarikat tersenarai awam dan juga syarikat berkaitan kerajaan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan ini semata-mata tidak dapat menjamin piawaian tadbir urus korporat yang tinggi, mahupun mencegah penipuan kolar putih.

Apa yang amat penting ialah penerapan budaya tadbir urus yang betul. Ia perlu bermula dari atas, oleh pemimpin syarikat. Menetapkan kadar yang betul dan contoh yang betul adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang berkesan dengan piawaian akauntabiliti tertinggi.

Di Malaysia, kita mampu, di sebalik semua kesukaran, untuk memupuk budaya yang rakyat pelbagai kaum dan agama hidup harmoni secara semula jadi. Budaya tadbir urus yang baik juga tidak terkecuali. Oleh itu, saya menyeru semua pemimpin korporat supaya melampaui panggilan tugas mereka dan bukannya hanya memenuhi tuntutan pengawal selia sahaja.

Pemimpin korporat boleh dan mesti membawa organisasi mereka dalam semangat tulen undang-undang - ini akan membantu memupuk budaya tadbir urus korporat yang lebih kukuh dan lebih berkesan yang boleh membina keyakinan pelabur dan pemegang saham dalam tempoh jangka panjang. Peranan Malaysia dalam ASEAN.

Pada tahun 2015 juga Malaysia menjadi pengerusi ASEAN - satu tugas yang mencabar lagi menarik. Ia menjadi suatu yang mencabar kerana Malaysia akan menerajui usaha ASEAN untuk menjadi blok perdagangan yang diiktiraf dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dalam tempoh ekonomi global yang tidak menentu.

Ia juga pasti menarik kerana penghujung tahun 2015 menandakan jangkakan terbentuknya Komuniti Ekonomi ASEAN. Saya percaya dengan reputasi Malaysia kepada tadbir urus korporat dan integriti yang baik, kita boleh menyumbang dengan ketara ke arah hala tuju masa depan ASEAN dan usahanya untuk menjadi gergasi serantau yang seterusnya.

### **Inisiatif dan Peranan MSWG dalam Pasaran Modal**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji sumbangan besar oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti ke arah memacu Malaysia menjadi salah satu negara teratas di Asia Pasifik dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat. Diperkenalkan oleh Kerajaan pada 1999, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti telah menjadi pemain yang penting dalam pasaran modal.

MSWG sangat berjaya apabila mengambil bahagian dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat Tersenarai Awam, apabila ia menetengahkan kebimbangan dan isu yang berkaitan dengan pemegang saham

minoriti. Saya amat teruja MSWG berjaya merangsang dirinya sebagai badan pemikir yang penting dalam hal tadbir urus korporat.

Saya harap Dana Pembangunan Pasaran Modal akan meneruskan sokongan kewangannya kepada MSWG kerana ia sememangnya membawa nilai tambah kepada pasaran modal.

Peranan MSWG dalam inisiatif Tadbir Urus Korporat ASEAN sememangnya penting, dan saya amat yakin bahawa bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia, mereka boleh membawa negara kita ke tahap yang lebih tinggi dalam masa yang terdekat ini.

Saya juga gembira bahawa pada Jun 2014, Suruhanjaya Sekuriti dan MSWG melancarkan Kod Pelabur Institusi Malaysia yang merupakan inisiatif pertama seumpamanya di rantau ASEAN. Kod amalan terbaik ini telah dibangunkan bersama dengan pihak berkepentingan daripada kedua-dua kerajaan dan sektor swasta, yang diketuai oleh MSWG.

Kod ini mencerminkan aspirasi dan amalan terbaik pelabur institusi dan sebagai penandatanganan, syarikat dapat meningkatkan reputasi dan penjenamaan mereka sebagai salah satu syarikat yang menerima pakai piawaian antarabangsa, sekali gus meraih kepercayaan dan keyakinan orang ramai.

Oleh itu, saya menyeru lebih banyak pelabur institusi, terutamanya institusi terbesar kita seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Persaraan, supaya mendaftar dalam Kod Pelabur Institusi Malaysia kita ini untuk membuka jalan supaya institusi lain akan turut menyusul. Ia adalah sebab yang berbaloi yang boleh membawa manfaat yang besar kepada pasaran modal kita.

Saya juga dimaklumkan bahawa langkah MSWG seterusnya adalah untuk memudahkan pembentukan badan penaung atau Majlis bagi pelabur institusi. Mereka pada dasarnya akan menjadi kumpulan wakil khusus yang bukan sahaja akan memantau penggunaan berkesan Kod tetapi juga menjadi platform yang membentuk lingkungan yang lebih luas bagi budaya tadbir urus korporat di Malaysia.

Sebagai kesimpulan, usaha mempertingkatkan tadbir urus korporat bukannya usaha yang mudah; tetapi ia dirangsang melalui usaha kolektif dan tanggungjawab bersama. Jika Malaysia mahu memupuk budaya ini dan terus meningkatkan reputasinya terhadap akauntabiliti dan integriti, adalah penting bagi semua pemimpin korporat supaya memimpin melalui teladan.

Terdapat pepatah lama: wang tidak boleh membeli kepercayaan, dan sesungguhnya ia sememangnya benar. Kepercayaan mengambil masa untuk dibina tetapi hanya mengambil beberapa saat sahaja untuk kehilangannya. Oleh itu, kita mesti berusaha untuk membina prinsip kepercayaan ini.

Terdapat tugas yang mencabar di hadapan kita, tetapi ia bukannya tidak dapat diatasi. Adalah penting supaya kita mengekalkan rentak kemajuan dan terus membina jenama dan reputasi Malaysia sebagai salah satu hab korporat yang paling dipercayai di rantau ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemenang Tadbir Urus Korporat pada malam ini. Saya harap mereka akan terus menjadi pelopor dalam melaksanakan amalan korporat untuk menjadi model peranan supaya diikuti oleh pihak yang lain. Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

## MESEJ KPE SERTA PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN



Saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa kami terus mengukuhkan produk dan perkhidmatan teras kami, termasuklah meningkatkan kualiti tenaga kerja kami untuk menghadapi kerumitan, cabaran dan permintaan pasaran modal.

Kami akan tetap berpegang teguh dalam komitmen kami untuk menjadi suara pemegang saham minoriti dan meningkatkan piawaian tadbir urus dan amalan terbaik korporat. Melangkah ke hadapan, kami akan terus mempertingkatkan produk dan perkhidmatan teras kami. Kami juga terus komited menyokong penubuhan badan penaung bagi pelabur institusi, iaitu fasa seterusnya selepas kejayaan pelancaran Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Saya amat berbesar hati membentangkan laporan prestasi kami bagi tahun 2014.


## SOROTAN KEWANGAN

### **Hasil**

MSWG telah mencapai hasil bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 sebanyak RM1,322,649, iaitu peningkatan 34.9% daripada RM980,736 yang dicapai pada 2013 berpunca daripada jualan tiket semasa forum pendidikan termasuk projek Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN.

Selain itu, kami terus menerima geran daripada Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) berjumlah RM4.5 juta pada tahun tersebut. Pecahan hasil yang dijana oleh MSWG daripada produk dan perkhidmatannya, dan termasuklah geran yang diterima daripada CMDP pada 2014, dan angka perbandingan pada 2013 digambarkan dalam rajah berikut.

### **Hasil**






## **Perbelanjaan**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, jumlah perbelanjaan MSWG adalah sebanyak RM5.01 juta berbanding RM5.13 juta pada 2013, iaitu penurunan sebanyak 2.3%, disebabkan langkah pemotongan kos dan tiadanya perbelanjaan pengubahsuaian yang dilakukan pada 2014.

Butiran hasil dan perbelanjaan MSWG bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 boleh didapati dalam Penyata Kewangan Berkanun yang dilampirkan bersama dengan Laporan Tahunan ini.

## **Sumber Hasil**



- Penerbitan/Forum
- Khidmat Pelanggan
- Lain-lain

### **PEMANTAUAN KORPORAT**

Portfolio pemantauan MSWG adalah sebanyak 295 syarikat pada 2014 yang merangkumi kira-kira 30% daripada jumlah bilangan syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, yang mewakili kira-kira 90% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa.

#### Kriteria pemantauan portfolio

- Syarikat FBM KLCI
- 100 syarikat teratas Indeks MCG
- Syarikat yang dipantau atas kemahuan pelanggan di bawah Senarai Pelanggan
- Syarikat yang perlu dipantau berdasarkan aduan yang diterima daripada pemegang saham, dan juga syarikat yang memberikan kesan kepada kepentingan pemegang saham minoriti.

Pada 2014, penganalisis MSWG menghadiri 400 mesyuarat syarikat, merangkumi 295 AGM dan 105 EGM. Banyak isu dibangkitkan untuk manfaat pemegang saham, khususnya pemegang saham minoriti berhubung dengan isu strategik, kewangan, operasi dan tadbir urus korporat. Syarikat juga digalakkan untuk menambah baik amalan terbaik berkaitan dengan penzahiran minit AGM, kepelbagaian lembaga pengarah dan kualiti pelaporan tanggungjawab sosial korporat (CSR).


Tahun 2014 juga tidak kurang dengan amalan korporat yang kompleks yang memerlukan kelulusan pemegang saham -- ini melibatkan urus niaga pihak berkaitan, pemerolehan dan pelupusan aset, pengambilalihan dan penswastaan dan juga hal yang berkaitan dengan penyingkiran pengarah. Perkara utama dalam amalan korporat seperti penswastaan dan pengambilalihan sering berkaitan dengan isu harga dan penilaian.

Kami gembira memaklumkan bahawa secara amnya kebanyakan syarikat membentangkan dan memberikan maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh MSWG, dalam mesyuarat mereka masing-masing bagi manfaat semua pemegang saham. Hal ini telah menimbulkan kesedaran dalam kalangan pemegang saham untuk membantu mereka dalam membuat keputusan mengundi. Kini ia telah hampir menjadi kebiasaan bagi semua syarikat ini untuk memberikan jawapan bertulis kepada soalan yang dikemukakan, yang membolehkan MSWG menyiarkan jawapan tersebut di laman sesawang kami untuk manfaat pelanggan kami dan pelabur runcit secara amnya.

Bidang berikut juga terletak di bawah bidang kuasa aktiviti Pemantauan Korporat: -

- Laporan Sebelum dan Selepas AGM/EGM
- Laporan Mingguan AGM/EGM
- Sorotan Isu 2014

### **Laporan Sebelum dan Selepas AGM/EGM**



**Contoh Laporan Sebelum AGM/EGM**

Sepanjang 2014, MSWG menghantar 367 surat kepada syarikat dan menyediakan kira-kira 300 laporan sebelum AGM dan 367 laporan selepas AGM/EGM.

Kandungan laporan sebelum AGM memberikan gambaran bernilai bagi maklumat penting seperti cadangan resolusi yang akan dibentangkan, butiran ringkas pengarah dan keahlian mereka dalam pelbagai jawatankuasa, analisis amalan CG syarikat dan juga sorotan prestasi kewangan. Laporan ini diberikan kepada

pelanggan institusi dan korporat, manakala pelanggan runcit pula diberikan senarai soalan yang kami kemukakan kepada syarikat berserta jawapannya. Laporan sebelum AGM juga membolehkan pelanggan kami membuat analisis segera terhadap perubahan dari segi prestasi dan amalan terbaik CG apabila laporan itu dibandingkan berasaskan tahun ke tahun.

Laporan selepas AGM/EGM pula menjuruskan kepada tinjauan keseluruhan prosiding mesyuarat agung termasuk persoalan yang dikemukakan dan respons oleh Lembaga Pengarah. Laporan ini juga diberikan kepada pelanggan korporat dan pelanggan institusi kami dan berfungsi sebagai penilaian pihak ketiga yang penting terhadap perjalanan mesyuarat itu.

### Laporan Mingguan AGM/EGM

**MSWG AGM/EGM Weekly Watch:  
November 20 – 23, 2014**

For this week, the following are the AGMs/EGMs of companies in the Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG)'s watchlist. The summary of points of interest are highlighted here, while details of the questions to the companies can be obtained via MSWG's website at HYPERLINK "<http://www.mswg.org.my>" [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my).

**The AGMs/EGMs for the week:**

Date & Time	Company	Venue
Nov 20 2014 9:00 am	Malton Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Jalan Kelab Tropicana, PJ
Nov 20 2014 9:30 am	Nylex (M) Bhd (AGM)	West Wing, Hilton Petaling Jaya, Jalan Barat, Petaling Jaya
Nov 20 2014 10:00 am	Dialog Group Bhd (AGM)	Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL
Nov 20 2014 11:30 am	Bonia Corporation Bhd (AGM)	Bukit Jalil Golf & Country Resort, Jalan Jalil Perkasa 3, KL
Nov 21 2014 10:00 am	SILK Holdings Bhd (AGM)	Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, Jalan Bukit Kiara, KL
Nov 23 2014 10:00 am	Bina Darulaman Bhd (EGM)	Centre of Learning (COL), Menara BDB, Alor Setar, Kedah

Dalam usaha kami untuk memperluas capaian kami kepada lebih ramai pemegang saham runcit, MSWG meneruskan ruangan Laporan Mingguan AGM/EGM yang diterbitkan dalam akhbar The New Straits Times dan Nanyang Siang Pau (versi Mandarin) pada setiap hari Isnin.

Ruangan ini yang menyenaraikan masa dan tempat mesyuarat yang akan datang, memberikan senarai isu yang menjadi kebimbangan utama berkaitan dengan

prestasi kewangan atau amalan tadbir urus korporat sebelum berlangsungnya AGM/EGM syarikat. Sehingga kini kami menerima maklum balas yang positif daripada para pemegang saham runcit supaya kami terus menyediakan ruangan ini untuk memberikan peringatan kepada para pemegang saham dan menggalakkan mereka mempersiapkan diri bagi mesyuarat yang akan datang. Laporan Mingguan AGM/EGM juga disediakan di laman sesawang MSWG.

## **Sorotan Isu 2014**

Sepanjang tahun tinjauan, pemegang saham meminta MSWG untuk menegenahkan isu mereka secara kolektif. Isu tersebut tertumpu kepada yang berikut:

- **Tawaran yang tidak adil apabila syarikat diswastakan**
- **Ganjaran pengarah yang berlebihan**
- **Pendedahan maklumat penting yang terpilih**
- **Cadangan korporat yang melibatkan perkara berkaitan dengan pemegang saham minoriti seperti: -**
  - i. Penswastan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) melalui Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Secara Terpilih (SCR)
  - ii. Penggabungan RHB Capital Berhad, CIMB Group Holdings Berhad (Kumpulan CIMB) dan Malaysia Building Society Berhad (MBSB)
  - iii. Pengambilalihan OSK Property Holdings Berhad (OSK Property) dan PJ Development Holdings Berhad (PJ Development)
  - iv. Penswastan Kian Joo Berhad melalui Kaedah Aset dan Liabiliti
  - v. Penswastan MISC Berhad melalui Tawaran Am
  - vi. Penswastan MBF Holdings Berhad melalui Pengurangan Modal Saham dan Penyatuan Saham
  - vii. Pengambilalihan Padiberas Nasional Berhad
  - viii. Penswastan Triumphal Associates Berhad melalui Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Secara Terpilih
  - ix. Penswastan Ireka Corporation Berhad melalui Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Secara Terpilih
  - x. Penyenaraian semula IOI Properties Berhad

- **Penyingkiran Pengarah**  
Terdapat beberapa siri perbalahan lembaga pengarah yang melibatkan penyingkiran pengarah pada 2014.
- **Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah**  
Kami menyaksikan beberapa pelantikan pengarah wanita sepanjang tahun itu. MSWG menggalakkan lembaga pengarah supaya mempunyai dasar tentang kepelbagaian lembaga pengarah termasuk kepelbagaian jantina.
- **Menggalakkan PLC dengan sukarela mendedahkan ringkasan dan perkara penting mesyuarat agung mereka di laman sesawang mereka dalam tempoh 30 hari selepas mesyuarat.**
- **Kebimbangan berhubung dengan tawaran persendirian saham yang besar kepada pihak ketiga yang tidak didedahkan.**
- **Kebimbangan terhadap komitmen masa para pengarah bebas yang berkhidmat serentak sebagai eksekutif di PLC yang lain.**
- **Kebimbangan terhadap ESOS yang diberi kepada pengarah silih ganti.**
- **Kebimbangan tentang kos audit dalaman yang rendah dan skop kerja audit yang dianggap terhad yang tidak mencerminkan operasi syarikat yang rumit.**

## **KHIDMAT PELANGGAN**

MSWG terus memberikan tumpuan terhadap penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggannya. Pada 2014, asas pelanggan berkembang dan pada akhir 2014 terdapat 16 (2013: 13) institusi, 94 (2013: 87) pelanggan korporat dan 620 (2013: 302) pelanggan runcit dan pelajar. Peningkatan yang ketara dalam bilangan pelanggan runcit dan pelajar disebabkan oleh penjelasan MSWG kepada pelanggan runcit tentang manfaat yang boleh mereka peroleh melalui program pendidikan runcit dan forum percuma serta surat berita percuma. Surat berita ini dihantar terus kepada pemegang saham runcit.

#### Kategori Perkhidmatan Pelanggan

- Pelanggan Institusi
- Pelanggan Korporat
- Pelanggan Runcit
- Pelanggan Pelajar

Pada 2014, MSWG mempertingkatkan saranan nilainya terutamanya kepada pelanggan institusi dan korporat yang merangkumi antara lain akses kepada butiran Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN, lebih banyak syarikat yang dipantau dan laporan pemantauan syarikat masing-masing. Ini adalah tambahan kepada tiket percuma di acara MSWG, harga diskaun bagi penerbitan MSWG dan program pendidikan pelabur dan juga surat berita elektronik mingguan yang memaparkan perkembangan korporat dan isu CG.

### **Pelanggan Institusi**

Pengurusan Aset Aberdeen  
Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun  
Penyelesaian Kewangan Broadridge  
Bursa Malaysia Berhad  
Khazanah Nasional Berhad  
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
Kumpulan Wang Persaraan  
Lembaga Tabung Angkatan Tentera  
Lembaga Tabung Haji  
Monash University  
MSIG Insurance (Malaysia) Berhad  
Permodalan Nasional Berhad  
Pertubuhan Keselamatan Sosial  
PriceWaterHouseCoopers  
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia  
Valuecap Sendirian Berhad

## **Pelanggan Korporat**

Affin Holdings Berhad  
Alam Maritim Resources Berhad  
Alliance Financial Group Berhad  
AMMB Holdings Berhad  
Amway (Malaysia) Holding Berhad  
Astro Malaysia Holdings Berhad  
Axiata Group Berhad  
Bandar Raya Developments Berhad  
Berjaya Land Berhad  
BIMB Holdings Berhad  
Bintulu Port Holdings Berhad  
Bonia Corporation Berhad  
Boustead Heavy Industries Corp. Berhad  
Boustead Holdings Berhad  
British American Tobacco (M) Berhad  
Bursa Malaysia Berhad  
Cahaya Mata Sarawak Berhad  
Carlsberg Brewery Malaysia Berhad  
Chin Teck Plantations Berhad  
CIMB Group Holdings Berhad  
Concrete Engineering Products Berhad  
Dagang NeXchange Berhad  
Daibochi Plastic & Packaging Industry Berhad  
Dayang Enterprise Holdings Berhad  
DIGI.com Berhad  
DRB-Hicom Berhad  
Eastern & Oriental Berhad  
Far East Holdings Berhad  
Felda Global Ventures Holdings Berhad  
Genting Berhad  
Greenfield Berhad  
Hock Heng Stone Industries Berhad  
IJM Corporation Berhad  
Integrax Berhad  
IOI Corporation Berhad  
Jaya Tiasa Holdings Berhad  
KKB Engineering Berhad  
KLCC Property Berhad  
KPJ Healthcare Berhad  
KUB Malaysia Berhad  
KULIM (M) Berhad  
KFC Holdings Berhad  
Kumpulan FIMA Berhad  
Lafarge Malaysia Berhad  
Land-General Berhad  
Lion Diversified Holdings Berhad  
LPI Capital Berhad  
Malayan Banking Berhad  
Malaysia Airports Holdings Berhad  
Malaysia Building Society Berhad  
Malaysia Pacific Corporation Berhad  
Malaysian Resources Corporation Berhad  
Malaysian Smelting Corporation Berhad  
Master-Pack Group Berhad  
Maxis Berhad  
Media Prima Berhad  
MMC Corporation Berhad  
Muhibbah Engineering (M) Berhad  
Naim Holdings Berhad  
Negri Sembilan Oil Palms Berhad  
Oriental Holdings Berhad  
OSK Investment Bank Berhad  
Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad  
Paramount Corporation Berhad  
Perdana Petroleum Berhad  
Petra Energy Berhad  
Tan Chong Motors Berhad  
Petronas Dagangan Berhad  
Petronas Gas Berhad  
Plus Expressways Berhad  
Public Bank Berhad  
Puncak Niaga Holdings Berhad  
Reliance Pacific Berhad  
RHB Capital Berhad  
Sarawak Oil Palms Berhad  
Shang-ri La Hotel (Malaysia) Berhad  
Sime Darby Berhad  
SP Setia Group Berhad  
STAR Publications (M) Berhad  
Suria Capital Holdings Berhad  
Syarikat Takaful Malaysia Berhad  
TA ANN Holdings Berhad  
TDM Berhad  
Telekom Malaysia Berhad  
Tenaga Nasional Berhad  
Top Glove Corporation Berhad  
Tropicana Corporation Berhad  
TSH Resources Berhad  
Turiya Berhad  
UEM Sunrise Berhad  
UMW Holdings Berhad  
UMW Oil & Gas Berhad  
Utusan Melayu (Malaysia) Berhad  
YTL Corporation Berhad



## **SURAT BERITA ELEKTRONIK, RENCANA & ULASAN**

Surat berita MSWG, *The Observer*, terus diterbitkan pada setiap minggu. Sejak diterbitkan buat pertama kalinya pada Februari 2011, surat berita ini telah melaporkan peristiwa korporat yang berlaku setiap minggu di arena tempatan dan global, termasuk juga pandangan MSWG terhadap amalan korporat semasa, pasaran, ekonomi dan maklumat terkini tadbir urus dan juga acara MSWG yang akan datang.

Surat berita ini telah menjadi alat yang penting untuk meningkatkan profil MSWG, terutamanya dalam menyampaikan pendiriannya tentang isu CG. Mudah didapati di laman sesawang, surat berita ini juga kini diedarkan kepada lebih 2,000 penerima termasuk para pelanggannya, pengurus dana, pelabur institusi, syarikat broker, universiti, Lembaga Pengarah PLC serta media.

Pada 2014, MSWG juga mempunyai ruangan tetap KPE dalam akhbar Berita Harian, iaitu akhbar harian berbahasa Melayu yang merupakan terjemahan kepada Mesej KPE dalam Surat Berita. Ruangan ini menyajikan petikan peristiwa korporat dan perkembangan CG di arena tempatan dan global. Di samping itu juga Surat Berita ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin dalam akhbar Harian Cina, *The Nanyang Siang Pau*. Dengan cara ini, edaran Surat Berita MSWG berjaya melepasi satu per empat juta pembaca.

Artikel dan ulasan juga disediakan secara percuma di arkib laman sesawang bagi memudahkan akses oleh orang ramai.

## **PROGRAM PENDIDIKAN PELABUR / FORUM / PENGLIBATAN SYARIKAT / JEMPUTAN CERAMAH**

MSWG mengendalikan 28 forum dan 21 perbincangan dan interaksi syarikat dan juga 10 jemputan ceramah untuk memberikan maklumat dan kesedaran kepada para pemegang saham minoriti dan beberapa isu tentang tadbir urus korporat sepanjang tahun tinjauan.

Antara program, forum serta perbincangan dan interaksi dengan syarikat dan juga jemputan ceramah adalah seperti yang berikut:

### **(i) Forum Pendidikan**

MSWG dilantik oleh Bursa Malaysia untuk mengendalikan empat (4) bengkel yang melibatkan 500 syarikat tentang "Penghargaan & Penggunaan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN".

Objektif program ini adalah untuk mewujudkan kesedaran dan memberikan kefahaman yang mendalam terhadap penilaian Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN untuk Pengarah dan pengurusan kanan PLC.

### **(ii) Forum Pemegang Saham**

MSWG mengadakan pelbagai forum pemegang saham sepanjang tahun 2014 termasuk cadangan pengambilalihan OSK Property Holdings Berhad dan PJ Development Holdings Berhad, cadangan penggabungan antara RHB Capital Bhd-CIMB Group Holdings Bhd-Malaysia Building Society Bhd, dan cadangan penswastan Malaysia Airline System Bhd dan MISC Bhd.

### **(iii) Penglibatan Syarikat**

Pengurusan MSWG mengadakan 21 lawatan syarikat dalam tempoh tinjauan yang melibatkan perbincangan dan interaksi antara pengarah syarikat dan pengurusan kanan dengan MSWG. Ia menyediakan platform yang baik untuk lebih memahami antara satu sama lain apabila perkara seperti perniagaan

syarikat, isu industri dan juga tadbir urus korporat dan hal pemegang saham minoriti dibincangkan.

(iv) **Jemputan Ceramah**

Pada 2014 pihak pengurusan telah memenuhi 10 jemputan ceramah di dalam dan di luar negara untuk memberikan kesedaran tentang kepentingan pemegang saham minoriti. MSWG juga telah mengambil bahagian dalam pelbagai seminar dan persidangan global untuk berkongsi kepakaran dan pengalamannya dalam senario global termasuk bersama dengan OECD, ICGN dan Pakar CG ASEAN.

MSWG adalah sebahagian daripada Global Network of Investor Associations (GNIA) di bawah ICGN, iaitu satu kerjasama antarabangsa daripada organisasi yang keahliannya adalah golongan pelabur dengan kepentingan yang sama untuk menggalakkan piawaian amalan dan prinsip CG yang berkesan di seluruh dunia.

## KAD SKOR TADBIR URUS KORPORAT ASEAN



Kini memasuki tahun ketiga, MSWG telah menilai 873 PLC yang tersenarai di Bursa Malaysia pada 2014 dengan menggunakan metodologi Kad Skor Tadbir Urus Korporat (CG) ASEAN untuk mengukur piawaian dan amalan terbaik Tadbir Urus Korporat serta menambah keterserlahan syarikat dengan menggunakan metodologi yang sama yang digunakan oleh beberapa negara ASEAN. Pemerihalan parameter dan metodologi kad skor ada disediakan di laman sesawang MSWG.

Di peringkat serantau, MSWG mengambil bahagian sebagai ahli Kumpulan Kerja Pakar CG dan semakan rakan sekerja terhadap syarikat ASEAN yang lain untuk mengurangkan percanggahan dalam piawaian penilaian. Kedudukan 50 syarikat teratas di Malaysia telah pun disiarkan dalam Laporan dan Penilaian Negara Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN 2013/2014 di bawah Bab Malaysia.

Seperti sebelumnya, pada tahun ini MSWG terus mengiktiraf syarikat korporat yang menyokong ketelusan dalam syarikat mereka dan juga orang perseorangan yang memperjuangkan tadbir urus korporat yang baik. Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin merasmikan majlis anugerah dengan 19 anugerah telah diberikan. Pada tahun ini, MSWG memberikan anugerah

Pengiktirafan Badan Pemantau Pelabur dan Penulis Tadbir Urus Korporat 2014 sebagai tambahan kepada anugerah KPE dan Pengerusi Tadbir Urus Korporat 2014. Senarai Pemenang boleh didapati di halaman 52 dalam Laporan Tahunan ini.

Indeks Ketelusan Tadbir Urus Korporat 2014 bagi 100 syarikat PLC teratas juga menunjukkan peningkatan daripada 75.99 mata pada 2013 kepada 76.80 mata pada 2014. Ini merupakan satu penemuan yang menggalakkan memandangkan parameter kad skor lebih ketat berbanding kad skor 2013. Aspek pelaporan bersepadu, penambahbaikan kepada aktiviti pengurusan risiko telah diperkenalkan sambil badan penarafan pakar CG domestik terus menyemak dan mempertingkatkan kad skor tersebut.

Melalui penilaian tahunan CG, MSWG kini telah mengumpul maklumat tentang pasaran modal bagi tempoh enam tahun terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan CG. Sehubungan itu, dengan melangkah ke hadapan lebih banyak penyelidikan tentang isu dasar penting boleh dijalankan oleh pemain pasaran. MSWG mengalu-alukan pihak yang berminat yang boleh bekerjasama dengan MSWG untuk melakukan penyelidikan sedemikian.

Laporan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN bagi 2014 yang akan memberikan butiran penemuan dijangka akan diterbitkan pada suku pertama 2015.

## KOD PELABUR INSTITUSI MALAYSIA



Pada 27 Jun 2014, Kod Pelabur Institusi Malaysia telah dilancarkan secara bersama oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti.

Inisiatif ini adalah salah satu cadangan Rangka Tindakan CG bagi menggubal kod yang didorong industri yang dijangka akan memantapkan akauntabiliti pelabur institusi terhadap ahli dan pelabur mereka sendiri. Di samping itu, pelabur institusi sebagai pemain utama dalam ekonomi global mempunyai pengaruh yang penting ke atas syarikat penerima pelaburan mereka kerana kepentingan besar yang mereka pegang. Pengaruh ini dapat memberi mereka keupayaan untuk menggalakkan tadbir urus yang baik dan tingkah laku yang sesuai oleh syarikat penerima pelaburan mereka untuk memastikan penyampaian nilai jangka panjang yang mampan kepada benefisiari atau pelanggan mereka.

Penggubalan Kod ini diketuai oleh MSWG. Ini dilakukan melalui Kumpulan Pemandu dan Kerja. Ahli Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada KPE dan wakil utama daripada fraterniti pelabur institusi di Malaysia, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Wang Persaraan

(Diperbadankan), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Pentadbir Pencen Swasta dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG).

Untuk memberikan input dan pendapat pakar, Kumpulan Pakar dan Pemerhati telah ditubuhkan yang terdiri daripada PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), Majlis Pelaporan Kewangan (FRC), Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN), Governance for Owners, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Bursa Malaysia Berhad dan Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Sebelum pelancaran Kod ini, satu Kertas Perundingan Bersama dengan Suruhanjaya Sekuriti tentang Kod Pelabur Institusi Malaysia (Kod) telah dikeluarkan pada awal 2014 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai tentang Kod tersebut. Pelbagai kumpulan fokus turut terlibat seperti daripada pengurus dana, unit amanah dan syarikat insurans untuk mendapatkan maklum balas terhadap Kod tersebut.

Persidangan Meja Bulat Kod Pelabur Institusi Malaysia telah diadakan pada 27 Jun 2014 apabila Kod itu diserahkan secara rasmi kepada Pesuruhjaya Sekuriti oleh Pengerusi MSWG.

Dalam majlis ini, lebih 150 peserta daripada pelabur institusi, syarikat tersenarai awam, kumpulan wang pencen, syarikat amanah pelaburan dan syarikat insurans menghadiri sesi separuh hari yang termasuk pembentangan oleh Encik Paul Lee, Ketua Hal Ehwal Pelaburan, Persatuan Kumpulan Wang Pencen Kebangsaan UK dan Encik Motoyuki Yufu, Pengarah Agensi Perkhidmatan Kewangan Jepun yang masing-masing berkongsi pengalaman berdasarkan Kod Pengawasan UK dan Kod Pengawasan Jepun. KPE MSWG turut membentangkan aspek pembangunan, prinsip dan panduan Kod.

Kod itu adalah satu peristiwa penting bukan hanya kepada MSWG tetapi juga kepada negara ini, yang merupakan kod pertama seumpamanya di rantau ASEAN.

Kod ini dihasilkan dengan berhati-hati untuk menggariskan prinsip umum tentang pengawasan yang berkesan oleh pelabur institusi, diikuti dengan bimbingan untuk membantu pelabur institusi memahami dan melaksanakan prinsip Kod.

Selain pertimbangan ekonomi, Kod ini menyokong pelabur institusi untuk memastikan mereka melabur dalam cara yang bertanggungjawab dengan mengambil kira tadbir urus korporat dan kemampuan syarikat.

Pelabur institusi digalakkan menjadi penandatangani Kod, dan juga pengguna awal prinsip Kod.

Enam penandatangani pertama Kod ialah:-

1. Hermes Fund Managers
2. Hermes Equity Ownership Services
3. Aberdeen Asset Management Sdn Bhd
4. Legal & General Investment Management
5. BNP Paribas Investment Partners Malaysia Sdn Bhd
6. BNP Paribas Investment Partners Najmah Malaysia Sdn Bhd

Antara penyokong Kod termasuklah:-

1. Suruhanjaya Sekuriti (SC)
2. Goodway Integrated Industries Bhd
3. TA Ann Holdings Berhad
4. Malaysian Resources Corporation Bhd
5. Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC)
6. Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
7. Rangkaian Tadbir Urus Korporat Antarabangsa (ICGN)

*"Pembentukan kod baharu yang didorong industri ini boleh memperkukuh akauntabiliti pelabur institusi terhadap ahli dan pelabur mereka sendiri. Kod baharu ini akan menghendaki pelabur institusi menjelaskan bagaimana tadbir urus korporat diterima pakai sebagai kriteria pelaburan dan langkah yang diambil oleh mereka untuk mempengaruhi, membimbing dan memantau syarikat penerima pelaburan. Penting juga bagi pelabur institusi supaya memasukkan analisis tadbir urus ke dalam penilaian pelaburan mereka untuk membantu mengenal pasti syarikat yang dikawal selia dengan baik. "*

*-Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat  
2011-*

### **PRINSIP KOD**

Kod ini memberikan panduan tentang pelaksanaan tanggungjawab pengawasan secara berkesan terhadap penyampaian nilai jangka panjang yang bersesuaian kepada benefisiari atau pelanggan utama pelabur institusi. Terdapat enam prinsip utama:

Pelabur institusi perlu mendedahkan dasar tanggungjawab pengawasan mereka.

Pelabur institusi perlu memantau syarikat penerima pelaburan mereka.

Pelabur institusi perlu melibatkan diri dengan syarikat pelaburan jika sesuai.

Pelabur institusi perlu mengguna pakai dasar pengurusan konflik kepentingan yang mantap yang perlu didedahkan kepada umum.

Pelabur institusi perlu menggabungkan pertimbangan tadbir urus dan kemampuan korporat ke dalam proses membuat keputusan pelaburan.

Pelabur institusi perlu menzahirkan polisi mengundi.



## PENERBITAN



### **LAPORAN TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA-ASEAN 2013**

MSWG menerbitkan Laporan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2013, satu laporan yang komprehensif tentang penilaian amalan tadbir urus korporat bagi 862 syarikat tersenarai awam di Bursa Malaysia.

## TENAGA KERJA

### JUMLAH KAKITANGAN

Kakitangan kekal menjadi tiang kekuatan dan aset kepada MSWG sehingga membolehkan MSWG memainkan peranannya dalam aktivisme pemegang saham minoriti dengan berkesan dan terus membangkitkan isu berkaitan dengan tadbir urus korporat yang baik. Pada akhir 2014, MSWG mempunyai seramai 22 kakitangan sepenuh masa yang 70 peratus adalah di peringkat pengurusan. MSWG meneruskan dasar pengambilan Sekutunya dan pada 2014, MSWG mempunyai 8 Sekutu yang memberikan perkhidmatan dalam bidang pemantauan korporat, penyelidikan, kewangan dan undang-undang. Sekutu ini dibayar yuran perundingan berdasarkan 'projek' yang memerlukan kemahiran khusus ataupun kepakaran Sekutu itu sendiri. MSWG mendapat manfaat daripada kepelbagaian pasukan yang ada, termasuk tenaga kerja dalaman dan luaran.

MSWG menyediakan waktu bekerja yang fleksibel kepada kakitangannya untuk menampung waktu bekerja yang paling sesuai mengikut keperluan kakitangannya. Dengan memperkenalkan waktu kerja fleksibel untuk wanita berkeluarga sebagai Sekutu telah membolehkan MSWG mengekalkan mereka dalam tenaga kerja.

Melangkah ke hadapan ke tahun 2015, kami berharap untuk memperkukuh pasukan teras kami dalam bidang penyelidikan, yang kami fikirkan perlu untuk menyokong era baharu tadbir urus korporat dan tanggungjawab pemegang saham dalam pasaran modal.

## PEMBANGUNAN/AKTIVITI KAKITANGAN



Sepanjang tahun ini, MSWG terus menyediakan peluang kepada pekerja untuk menjalani latihan semasa kerja dan mendedahkan penganalisisnya terhadap pengucapan awam terutamanya di mesyuarat agung PLC. Ia bertujuan untuk meningkatkan keyakinan penganalisis dalam membangkitkan isu semasa mesyuarat apabila penganalisis dijangka mengendalikan pelbagai isu pemegang saham dan perkara berkaitan dengan tadbir urus korporat. Penganalisis juga diberi peluang untuk membuat pembentangan sektor masing-masing semasa Mesyuarat Pengurusan yang diadakan dua kali seminggu sebagai sebahagian daripada latihan semasa kerja. Pada 2014, beberapa forum tentang isu pemegang saham juga telah dikendalikan oleh penganalisis yang bertugas.

Keseimbangan antara kerja dengan kehidupan kakitangan melalui pelbagai aktiviti sukan dan sosial adalah digalakkan. Dalam hal ini, Kelab Sukan MSWG, yang ditubuhkan pada 2012, berterusan dalam aktivitinya untuk memupuk semangat keakraban dalam kalangan pekerjaannya. Kelab Sukan MSWG telah mengadakan 'Sukan Antara Kakitangan MSWG' pada 2014, yang menyaksikan penyertaan daripada semua peringkat pekerja.

## NOTA PENGHARGAAN

Dalam tempoh 6 tahun yang lalu sejak menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, saya, bersama-sama pasukan saya, telah melaksanakan banyak penambahbaikan kepada MSWG, menjenamakan MSWG sebagai organisasi berasaskan penyelidikan yang dihormati dan aktif untuk melibatkan pihak berkepentingan dalam pasaran menyuarakan isu pemegang saham minoriti. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan saya kerana telah mengubah MSWG kepada apa yang ada pada hari ini. Bersama-sama, kami berharap kami boleh menyumbang dan mempengaruhi pasaran modal ke arah amalan yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

# KALENDAR PERISTIWA 2014

Januari  
Forum tentang penswastaan/pengambilalihan



Majlis Makan Tengah Hari Tahun  
Baru Cina MSWG



Februari  
Mengambil bahagian sebagai ahli panel di Persidangan Meja Bulat Tadbir Urus  
Korporat Asia yang dianjurkan secara bersama oleh OECD dan Lembaga Sekuriti dan  
Bursa



Februari

Sesi Kumpulan Fokus & Pembentangan tentang Kod Pelabur Institusi Malaysia



Mac

Lawatan ke Kilang Royal Selangor Pewter yang dianjurkan oleh Kelab Sukan MSWG



Mac

AGM MSWG




Mac

Lawatan Syarikat ke Top Glove Corporation Berhad (Selangor)



Lawatan Syarikat ke C.I. Holdings Berhad (Negeri Sembilan)



Mac

Seminar tentang Penswastan & Pengambilalihan oleh MSWG



Mac

Pelancaran Laporan dan Penemuan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN



**April – Jun**  
**Musim AGM**

**April**  
**Mesyuarat Akhir Jawatankuasa Pemandu**  
**tentang Kod Pelabur Institusi Malaysia**

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja tentang**  
**Kod Pelabur Institusi Malaysia**



**April**  
**Ceramah tentang Cabaran/Isu Terkini Tadbir**  
**Urus Korporat untuk penuntut MBA Universiti**  
**HELP.**



**Lawatan Syarikat ke KLIA 2,**  
**Malaysia Airports Holdings**  
**Berhad dan Bonia Corporation**  
**Berhad**

**Mei**  
**Majlis Konsultasi Bajet 2015**

**Jun**  
**Pelancaran Kod Pelabur Institusi Malaysia**



Julai/Ogos

Latihan FSTEP oleh MSWG tentang Pengkhususan Aliran Perbankan Konvensional terhadap Kepentingan Minoriti

Maklum balas MSWG terhadap Kertas Perundingan berhubung dengan Cadangan Rangka Kerja Kawal Selia bagi Penajaan Dana Masyarakat bagi Ekuiti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Penyertaan sebagai ahli panel di Simposium Kepimpinan Lembaga Pengarah Korporat anjuran Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Lawatan Syarikat ke NCB Holdings Berhad (Selangor)

Lawatan Syarikat ke Allianz Malaysia Berhad (Kuala Lumpur)



Ceramah tentang "Pembangunan dan Isu Tadbir Urus Korporat di Malaysia" kepada Penuntut Undang-Undang Monash University.



Majlis Buka Puasa dan Hari Lahir Pengerusi



Dialog Khas dan Sesi Pembentangan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN





Ogos- September  
Musim AGM

Ogos  
Rumah Terbuka Hari Raya MSWG  
Pelanggan Korporat



Rumah Terbuka Hari Raya MSWG  
Pelanggan Runcit



Ogos  
Seminar tentang "Keadaan Tadbir Urus Korporat di Malaysia" - "Ke Arah Kecemerlangan Perniagaan: Akur Dan Laksana" yang dianjurkan oleh Felda Global Ventures Holdings Berhad.

September  
Lawatan Syarikat ke Utusan Melayu (Malaysia) Berhad (Kuala Lumpur)



September

Lawatan Syarikat ke Tan Chong Motor Holdings Berhad (Kuala Lumpur)



September

Lawatan Syarikat ke MSM Malaysia Holdings Berhad (Kuala Lumpur)



September

Perbincangan dan interaksi dengan KPE dan Pasukan Pengurusan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)



September

Penceramah di "Bengkel Lembaga Pengarah" yang dianjurkan oleh Media Prima Berhad.



**September**  
Dialog Khas dan Sesi Pembentangan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN



Penyertaan di perbincangan panel tentang "Jangkaan Pihak Berkepentingan terhadap Audit" - CPA Australia



**Oktober**  
Lawatan Syarikat ke Hock Heng Stone Industries Bhd (Melaka)



Lawatan Syarikat ke Daibochi Plastic & Packaging Industries Berhad (Melaka)



**Oktober**  
Dialog Khas dan Sesi Pembentangan Kad Skor Tadbir Urus Korporat ASEAN



Mesyuarat dengan perwakilan Bursa Saham Hanoi (NHX)



**Oktober**

**Lawatan Syarikat ke Axiata Group Berhad (Kuala Lumpur)**



**Lawatan Syarikat ke Malaysian Resources Corporation Berhad (Kuala Lumpur)**



**Oktober**

**Lawatan Syarikat ke E & O Berhad (Pulau Pinang)**



**Lawatan Syarikat ke Masterpack Group Berhad (Pulau Pinang)**



**Lawatan Syarikat ke MSM (M) Holdings Berhad (Pulau Pinang)**



**Lawatan Syarikat ke Hunza Properties Berhad (Pulau Pinang)**



Lawatan Syarikat ke Pensonic Group Berhad (Pulau Pinang)



Lawatan Syarikat ke NTPM Holdings Berhad (Pulau Pinang)



November-Disember  
Musim AGM

November

Taklimat oleh Pengurusan MAS tentang Program Cadangan Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Secara Terpilih (SCR)



Forum MSWG tentang Isu Penggabungan dan Cadangan Korporat

KPE mengambil bahagian sebagai Moderator bertajuk "Laporan Juruaudit Baharu: Respons kepada Keperluan Pihak Berkepentingan" di Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA 2014



Mesyuarat Jawatankuasa Adjudikasi Pertama bagi Anugerah Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2014

Perbincangan dan interaksi dengan pelabur institusi, PNB dan PERKESO



November

KPE MSWG dianugerahkan Anugerah Wanita Cemerlang 2014 bagi "Pencapaian Cemerlang" di bawah Kategori Separuh Kerajaan dan "Pengiktirafan 10 Personaliti Unggul Terbaik"



Disember

Maklum balas oleh MSWG terhadap Draf Pindaan Prinsip Tadbir Urus Korporat OECD yang dikeluarkan oleh OECD

Mesyuarat Jawatankuasa Adjudikasi Akhir bagi Indeks & Penemuan Tadbir Urus Korporat Malaysia-ASEAN 2014



Baris Belakang: Encik Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad, Encik Wong Kum Cheong, Encik Gerald Ambrose, Puan Lya Rahman dan Encik Salleh Hassan

Baris Hadapan: Cik Chua Siew Chuan, Prof. Dr. Shanty Rachagan, Puan Rita Benoy Bushon dan Datin Paduka Kartini Hj. Abdul Manaf

Hari Sukan MSWG



Disember

Majlis Anugerah Tadbir Urus Malaysia-ASEAN MSWG 2014 di Pusat Konvensyen Sime Darby



**Pemenang Anugerah Kecemerlangan**

**Industri:**

